

Buletin

ACIS

Syawal 1445 / April 2024

Kesinambungan Amal Diteruskan dalam bulan Syawal

eISSN 2600-8289

9 7 7 3 6 0 6 2 8 0 0 1

Menjaga Adab Berpakaian Semasa Hari Raya: Menghormati Tradisi dan Nilai-Nilai Budaya

Oleh:

Ainul Najihah

Pelajar Diploma Pengurusan Halal, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Dr. Mohamad Hasif Jaafar

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Menjelma 1 Syawal merupakan tanda kemenangan bagi umat Islam atas kejayaan melaksanakan tuntutan agama yang juga merupakan salah satu daripada rukun Islam. Ketika hampirnya 1 Syawal, umat Islam akan giat membuat persiapan seperti membeli baju raya, membuat kuih-muih, menghias rumah dan sebagainya. Walaubagaimanapun, kita diingatkan supaya sentiasa bersederhana serta menjaga adab dan tingkah laku apabila menyambut bulan Syawal, sama seperti yang dilakukan sepanjang bulan Ramadan supaya ia tidak dicemari dengan perbuatan yang tidak sepatutnya. Pada era moden ini, kita mengetahui bahawa pelbagai fesyen baju raya dikeluarkan oleh pereka fesyen ternama. Antara jenama baju raya yang terkenal adalah Bulan Bintang, Elrah Exclusive, Zoe Arissa Luxe, Kurta House, Primavalet dan sebagainya.

Selain baju Melayu dan baju kurung biasa, pereka fesyen sentiasa mencari aspek untuk penambahbaikan dan nilai estetik terhadap sesuatu fesyen. Ini terbukti dengan keluarnya koleksi-koleksi baju raya dengan penambahan dengan zip di lengan (wuduk friendly), zip di sisi, cutting slimfit, satu poket di bahagian baju yang tersembunyi, kain dan seluar boleh ubah (adjustable), tekstur kain yang lembut untuk mengelakkan daripada rasa panas dan boleh menyerap peluh dan pemakaian tudung disertakan bersama anting-anting. Ada di antara fesyen ini tidak sesuai untuk digayakan kerana tidak mengikut syariat Islam.

Firman Allah dalam Surah Al-Ahzab ayat 59,

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لَا تَرْوَاجُكَ وَيَتَّكَ وَنِسَاءُ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلَابِيْهِنَّ ذَلِكَ آذْنَنَ أَنْ يُعْرِفُنَ فَلَا يُؤْدِينَ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا

Maksudnya, "Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi."

Allah tidak melarang umatnya untuk berfesyen tetapi hendaklah kita mentaati perintah Allah dengan menutup aurat dengan sempurna dan mengikut syariat yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, kaum wanita haruslah memakai pakaian yang longgar, kain yang tidak jarang sehingga menampakkan warna kulit berserta dengan tudung yang menutupi dada. Tidak lupa juga aksesori yang menyerlahkan kesopanan dan kebudayaan bagi kaum lelaki iaitu songkok, samping, kain songket atau kain batik.

Adab berpakaian semasa Hari Raya adalah satu aspek penting dalam mewarisi dan menghormati tradisi serta nilai-nilai budaya. Dengan memahami dan mempraktikkan adab berpakaian, kita dapat memperkuatkan hubungan sosial dan memelihara keharmonian dalam masyarakat. Penting bagi setiap individu untuk menyedari tanggungjawab mereka dalam menjaga adab berpakaian semasa menyambut Hari Raya sebagai satu bentuk penghormatan terhadap tradisi dan budaya warisan nenek moyang kita. Adab berpakaian semasa hari raya juga membuktikan ketataan diri kita terhadap perintah Allah SWT, menunjukkan rasa hormat kepada ibu bapa dan sanak saudara serta menjaga maruah dan kehormatan diri.

Akhir sekali, kita haruslah mendoakan kesejahteraan supaya ikatan ukhuwah sentiasa terjalin antara umat Islam dan memanjatkan rasa syukur kepada Allah atas nikmat dan kurnia yang telah diberi oleh-Nya.

